



Seksyen 2

Dasar dan Program Pembangunan PKS

Bab **ENAM**

Akses kepada

Pembiayaan

Bab ENAM | Akses kepada Pembiayaan

Sektor PKS Malaysia menyumbang sebanyak 38.3% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan menyediakan pekerjaan untuk lebih tujuh juta orang. Memandangkan peranan penting sektor ini dalam pembangunan ekonomi, Kerajaan selama beberapa tahun ini telah mewujudkan ekosistem yang memudahkan akses kepada pelbagai sumber pembiayaan komprehensif dari institusi awam dan swasta untuk memastikan kemampunan PKS, landskap kewangan yang lebih inklusif serta pembentukan budaya kredit yang kukuh. Langkah-langkah yang diperkenalkan telah membawa kepada ekosistem pembiayaan PKS yang menawarkan pembiayaan yang komprehensif dan kemudahan pembangunan dengan institusi kewangan, saluran maklumat, nasihat dan penyelarasan, program capaian dan pengurusan serta penyelesaian pinjaman.

Institusi kewangan adalah tulang belakang pembiayaan bagi PKS, mencakupi kira-kira 97.0% daripada jumlah pinjaman kepada segmen ini. Pinjaman bank kepada PKS dilengkapi oleh Bank Negara Malaysia (BNM), agensi Kerajaan dan institusi kewangan pembangunan dalam bentuk skim dan program. Pilihan sedia ada bagi kemudahan kewangan dan bukan kewangan meliputi pelbagai pilihan untuk memenuhi keperluan PKS di setiap peringkat dalam kitaran perniagaan mereka, termasuk di peringkat permulaan, pengembangan dan eksport.



Keutamaan dalam dasar pembiayaan sedia ada termasuk menggalakkan inovasi yang lebih luas oleh institusi kewangan, meningkatkan kecekapan dalam proses pembiayaan, menyediakan produk penambahan kredit dan memperkukuh keupayaan pengurusan kewangan PKS, terus kekal relevan dan menyokong pertumbuhan PKS pada tahun 2018. Tumpuan utama adalah untuk meningkatkan dan membangunkan ekosistem pembiayaan PKS yang holistik termasuk menangani asimetri maklumat dan ketidaksempurnaan pasaran, penambahbaikan dalam maklumat dan jaminan kredit, dana khusus, khidmat nasihat serta penyelarasan dan mekanisme penyelesaian pinjaman.


Bagi memahami keperluan pembiayaan PKS dengan lebih baik, BNM telah menjalankan Kaji Selidik Pembiayaan PKS 2018 di seluruh negara yang dijalankan pada suku kedua tahun 2018, dengan sorotan khas Kajian dibentangkan dalam artikel khas bab ini. Penemuan yang diperolehi daripada Kaji Selidik membolehkan penilaian lebih terperinci dilakukan tentang keperluan, cabaran dan amalan PKS dalam menggunakan perkhidmatan kewangan serta pertimbangan dasar. Laporan penuh Kaji Selidik diterbitkan dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2018.

INSTITUSI KEWANGAN ADALAH SUMBER PENTING BAGI PEMBIAYAAN PKS

Mencerminkan penemuan Kaji Selidik Pembiayaan PKS 2018 serta petunjuk ekonomi lain, permintaan keseluruhan daripada PKS untuk pembiayaan meningkat pada kadar yang lebih sederhana pada tahun ini berbanding tahun 2017.

Institusi kewangan kekal sebagai sumber dana yang dominan bagi PKS, dengan pembiayaan sebanyak RM307.3 bilion dikeluarkan dan pembiayaan baharu sebanyak RM69.0 bilion diluluskan kepada lebih 123,600 akaun PKS. Pembiayaan PKS merangkumi 48.7% bahagian daripada jumlah pembiayaan perniagaan terkumpul (2010: 37.6%) manakala dari segi bilangan akaun, PKS terdiri daripada kira-kira 87.0% daripada jumlah perniagaan. Secara purata, tiga daripada empat permohonan PKS telah diluluskan pada tahun 2018. Berlatarbelakangkan pertumbuhan ekonomi yang sederhana, pinjaman baharu yang diluluskan dan dibayar kepada PKS pada suku pertama tahun 2019 masing-masing berjumlah RM15.7 bilion (28,400 akaun) dan RM75.4 bilion. Jumlah pembiayaan terkumpul setakat akhir bulan Mac 2019 adalah sebanyak RM315.9 bilion (RM317.7 bilion pada akhir bulan Disember 2018).

Carta 6.1: Kadar Kelulusan Kekal pada 75.0%



Sumber: Bank Negara Malaysia

Institusi kewangan pembangunan (DFIs) terus menyokong pembiayaan untuk PKS dan menyumbang sebanyak 5.0% daripada jumlah pembiayaan PKS yang disalurkan menerusi institusi kewangan. Jumlah pembiayaan terkumpul bagi institusi kewangan pembangunan kepada PKS meningkat sebanyak 11.7% pada tahun 2018 dan berjumlah RM15.7 bilion pada akhir bulan Mac 2019.

PEMBIAYAAN PKS PADA TAHUN 2018

Kerajaan terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam merancang inisiatif untuk memenuhi keperluan pembiayaan PKS terutama dalam bidang yang wujudnya jurang. Sejajar dengan agenda Kerajaan untuk landskap kewangan yang lebih inklusif, sebahagian besar perbelanjaan Kerajaan untuk PKS telah didedikasikan untuk menyediakan akses yang lebih luas kepada pembiayaan. Daripada keseluruhan komitmen kewangan untuk pembangunan PKS pada tahun 2018, 95.1% atau RM13.0 bilion telah dibelanjakan untuk 44 program di bawah bidang fokus akses kepada pembiayaan yang memberi manfaat kepada 424,115 PKS. Program-program yang dilaksanakan pada tahun 2018 termasuk:

- **Skim Pembiayaan Ikhtiar** yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) menasarkankan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dengan menyediakan sokongan pembiayaan bagi membolehkan isi rumah berpendapatan rendah menyertai aktiviti ekonomi yang berdaya maju untuk meningkatkan status ekonomi mereka. Skim ini termasuk i-Mesra, i-Srikandi dan i-Wibawa. Pada tahun 2018, AIM menyediakan pembiayaan sebanyak RM2.3 bilion untuk 359,474 benefisiari di bawah skim ini.
- **Program Desa Lestari** di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar adalah program berasaskan komuniti yang disasarkan untuk meningkatkan keupayaan komuniti desa untuk merancang dan melaksanakan projek-projek yang akan menggalakkan pewujudan kekayaan menerusi aktiviti ekonomi menggunakan platform usaha kerjasama. Pada tahun 2018, perbelanjaan sebanyak RM10.0 juta telah direkodkan untuk skim yang memberi bantuan kepada 10,000 benefisiari.
- **Skim Pembiayaan TEKUN** yang diterajui oleh TEKUN Nasional di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan telah direka untuk menyediakan dana untuk pengembangan PKS, pelaksanaan projek serta pembiayaan mikro untuk modal kerja bagi membantu usahawan Bumiputera kecil dalam perniagaan sedia ada atau perniagaan baharu. Platform yang menyediakan maklumat mengenai keusahawanan dan peluang perniagaan serta khidmat nasihat dan juga sokongan turut ditawarkan melalui program ini. Pada tahun 2018, perbelanjaan sebanyak RM354.0 juta dicatatkan untuk program di bawah skim ini untuk 27,628 benefisiari.
- **Business Accelerator Programme (BAP)** yang diterajui oleh SME Corp. Malaysia telah membantu PKS melalui pendekatan bersepadu untuk membangun dan memupuk PKS yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan menerusi Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE), pembinaan keupayaan dan khidmat nasihat disamping sokongan kewangan. Pada tahun 2018, sejumlah RM69.2 juta telah disediakan untuk membantu 838 PKS.

- **Skim Jaminan Modal Kerja - Lanjutan** yang diterajui oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah menetapkan matlamat untuk membantu PKS merentasi semua sektor untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian. Pada tahun 2018, sejumlah RM2.7 bilion telah disediakan menerusi program yang memberi manfaat kepada 2,520 PKS.
- **Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS)** telah direka untuk menyediakan bantuan pembiayaan bersubsidi kepada PKS Malaysia yang berkelayakan menerusi 13 institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian. Diterajui oleh SME Corp. Malaysia, perbelanjaan sebanyak RM12.4 juta disediakan untuk membantu 476 PKS pada tahun 2018 dengan 2.0% daripada kadar keuntungan yang dikenakan oleh bank ditanggung oleh Kerajaan.
- **Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan** yang dilaksanakan oleh SJPP dengan kerjasama Kementerian Kewangan telah diwujudkan untuk membantu PKS dalam sektor perkhidmatan bagi mendapatkan akses kepada pembiayaan daripada institusi kewangan yang mengambil bahagian. Pada tahun 2018, RM984.0 juta dibelanjakan untuk membantu 835 PKS.

JAMINAN KREDIT BAGI PEMINJAM MARGINAL

Sejak ditubuhkan pada tahun 1972, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC), telah berkembang daripada penyedia jaminan tradisional kepada institusi kewangan yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan pembiayaan dan juga telah memeterai pakatan strategik dengan pelbagai institusi kewangan untuk meluaskan program pembiayaan PKS. Selain daripada perkhidmatan jaminan, CGC juga menyediakan produk pembiayaan secara langsung sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mencapai segmen yang lebih luas bagi perniagaan yang kurang menerima perkhidmatan, iaitu, Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i), BizMula-i, BizWanita-i dan BizBina-i.

Pada bulan Februari 2018, CGC telah melancarkan platform rujukan Pinjaman PKS/ Pembiayaan yang pertama di Malaysia yang dikenali sebagai imSME. Platform ini memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan produk yang bersesuaian berdasarkan profil perniagaan mereka, skor kredit dan keperluan pembiayaan. Pada masa ini, terdapat 22 institusi kewangan yang mengambil bahagian dan menawarkan 37 produk. CGC juga telah menubuhkan Pasukan Penasihat Pembiayaan imSME untuk membantu PKS yang tidak dapat mencari produk pembiayaan yang sepadan menerusi imSME atau permohonan menerusi platform tersebut tidak diluluskan oleh institusi kewangan. Pasukan Penasihat Pembiayaan imSME akan menjalankan kajian diagnostik terhadap kes yang timbul dan memberikan cadangan untuk program pembangunan keupayaan atau mekanisme pembiayaan alternatif atau platform.

Pada akhir Disember 2018, 405 PKS memperoleh pembiayaan berjumlah RM46.9 juta daripada institusi kewangan dan platform pembiayaan antara rakan setara (P2P). Selebihnya sebanyak 2,515 PKS menerima bantuan daripada Pasukan Penasihat Pembiayaan. Pada akhir bulan September 2019, 1,417 PKS telah memperoleh pembiayaan sebanyak RM137.0 juta menerusi imSME.

SKIM PEMBIAYAAN MIKRO UNTUK PERUSAHAAN MIKRO

Pembiayaan bagi perusahaan mikro, yang mencakupi kira-kira 77.0% daripada jumlah pinjaman pertubuhan, telah meningkat secara konsisten dalam tahun-tahun sebelumnya. Bahagian pembiayaan bagi perusahaan mikro terhadap jumlah pembiayaan PKS telah meningkat daripada 22.0% pada tahun 2010 kepada 34.0% pada akhir tahun 2018. Skim Pembiayaan Mikro telah menyediakan pembiayaan maksimum sehingga RM50,000 tanpa cagaran kepada perusahaan mikro sejak tahun 2005.

Sejak penubuhannya sehingga akhir tahun 2018, pembiayaan berjumlah RM4.1 bilion telah diluluskan kepada 230,082 perusahaan mikro menerusi sepuluh bank yang mengambil bahagian. Jumlah pembiayaan terkumpul di bawah skim ini berjumlah RM910.7 juta pada akhir tahun 2018, dengan RM302.7 juta diluluskan kepada lebih 13,000 akaun pada tahun ini. Sehingga September 2019, 8,148 permohonan berjumlah RM187.6 juta telah diluluskan manakala RM174.6 juta telah dibayar. Jumlah pembiayaan terkumpul adalah berjumlah RM847.3 bilion.

PEMBIAYAAN DARIPADA BNM YANG LEBIH MURAH UNTUK PKS

Pada akhir tahun 2018, pembiayaan terkumpul - terutamanya untuk modal kerja atau pengembangan perniagaan - di bawah dana Bank Negara Malaysia untuk PKS berjumlah RM5.8 bilion. Lebih daripada 80,000 akaun berjumlah RM31.1 bilion telah diluluskan sejak penubuhan dana ini pada tahun 1993. Pada akhir September 2019, pembiayaan terkumpul dana berjumlah RM5.2 bilion, dengan RM3.8 bilion masih tersedia untuk permohonan baharu.

PEMBIAYAAN ALTERNATIF

Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian

Selaras dengan agenda Kerajaan untuk mewujudkan model ekonomi baharu dan inovatif, ekuiti persendirian dan modal teroka sebagai saluran pembiayaan alternatif dilihat sebagai enjin pertumbuhan seterusnya untuk mendorong Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Peranan ekuiti persendirian dan modal teroka dalam pembiayaan semakin penting memandangkan fokus telah berubah kepada tumpuan untuk menarik pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu, seperti teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), multimedia, bioteknologi dan tenaga boleh diperbaharui dengan pemberi pinjaman tradisional menganggap bidang baharu ini sebagai berisiko tinggi dan oleh itu enggan menyediakan pembiayaan.

Pada 31 Disember 2018, terdapat 117 syarikat berdaftar yang terlibat dalam modal teroka dan ekuiti persendirian. Daripada jumlah ini, 105 adalah syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) dan syarikat modal teroka (VCC) manakala 12 lagi adalah syarikat pengurusan ekuiti persendirian (PEMC) dan syarikat ekuiti persendirian (PEC).

Jadual 6.1: Statistik Peserta Industri

	31 Disember 2018	31 Disember 2017
Bilangan syarikat berdaftar	117	110
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	105	101
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	12	9
Bilangan syarikat penerima pelaburan	387	381
Bilangan VC dan PE profesional*	235	182

* Profesional dengan lebih daripada empat tahun pengalaman

Pada tahun 2018, terdapat 387 syarikat penerima pelaburan berbanding dengan 381 pada tahun 2017 manakala bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya empat tahun pengalaman bekerja adalah seramai 235 orang. Jumlah dana yang diberikan oleh perbadanan ini adalah RM6.1 bilion pada tahun 2018, menurun berbanding dengan tahun 2017 disebabkan oleh pembatalan pendaftaran VCC utama. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan aktiviti pelaburan sebanyak 46.8% yang berjumlah RM613.3 juta pada tahun 2018 berbanding RM417.8 juta pada tahun 2017. Pada akhir tahun 2018, jumlah pelaburan terkumpul berjumlah RM3.1 bilion manakala terdapat penurunan dalam penyahlaburan, daripada RM375.2 juta pada tahun 2017 kepada RM161.0 juta.

Dana awam masih kekal sebagai sumber modal terbesar bagi industri dengan agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan membentuk 40.2% manakala dana kekayaan berdaulat negara menyumbang sebanyak 30.2%. Sumbangan sektor swasta kepada industri diterajui oleh pengurus aset (9.7%) diikuti oleh pelabur korporat (10.8%) serta pelabur individu dan perniagaan keluarga (5.1%).

Syarikat penerima pelaburan pada peringkat awal dan pertumbuhan menerima sebahagian besar pembiayaan pada tahun 2018. Daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun ini, 86.9% (RM53.0 juta) telah disalurkan kepada 96 syarikat penerima pelaburan. Pelaburan untuk firma di peringkat permulaan mencakupi 0.8% daripada jumlah pelaburan manakala lima syarikat penerima pelaburan merupakan penerima pelaburan. Sektor sains hayat merupakan penerima terbesar, menerima 49.6% daripada jumlah pelaburan yang disalurkan kepada peralatan perubatan, farmaseutikal dan bioteknologi alam sekitar. Sektor IT dan komunikasi menunjukkan peningkatan kepada 22.7% dalam bahagian pelaburan manakala bahagian sektor pembuatan menurun kepada 5.9%. Sektor lain, seperti perdagangan borong dan runcit, media kreatif, logistik, pendidikan dan perkhidmatan kewangan memperoleh 21.8% daripada bahagian jumlah pelaburan.

Jadual 6.2: Sumber Dana (2018: RM6.08 bilion)

Agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat pelaburan	40.24%
Dana kekayaan berdaulat negara	30.19%
Pelabur korporat	10.80%
Dana kepada pengurus dana dan pengurus aset lain	9.74%
Pelabur individu dan perniagaan keluarga	5.09%
Dana pencen dan simpanan	2.99%
Institusi kewangan	0.54%
Syarikat insurans	0.41%

Jadual 6.3: Pelaburan mengikut Peringkat Pembiayaan (2018: RM613.28 juta)

Peringkat awal	46.48%
Pertumbuhan	40.43%
Lain-lain	10.61%
Pemulihan / Penstrukturan Semula	1.01%
Peringkat permulaan	0.80%
Jambatan / mezzanine / pra-IPO	0.67%

Nota:

Agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan termasuk syarikat pelaburan menteri (contohnya Menteri Kewangan (Diperbadankan), agensi Kerajaan, badan berkanun dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaburan dana awam (contohnya PNB, Ekuinas)



Pendanaan Ekuiti Ramai

Sejak penubuhannya, pendanaan ekuiti ramai (ECF) telah mengumpulkan modal sebanyak RM48.8 juta menerusi 51 kempen yang telah berjaya daripada 50 penerbit pengumpulan dana dengan kadar kejayaan kempen sebanyak 93%. Pada tahun 2018, RM15.0 juta telah dikumpulkan oleh 14 penerbit. Di antara kempen pengumpulan dana yang berjaya sehingga kini, 47% telah mengumpulkan sebanyak RM500,000 dan ke bawah.


Jadual 6.4: Bilangan Penerbit dengan Kempen Berjaya mengikut Tahun




	2017	2018
Bilangan kempen	24	14
Bilangan penerbit	24	14

Jadual 6.5: Agihan mengikut Kuantiti Pengumpulan Dana

RM500,000 dan ke bawah	47.0%
Lebih daripada RM500,000 dan sehingga RM1.5 juta	29.0%
Lebih daripada RM1.5 juta dan sehingga RM3.0 juta	24.0%

Carta 6.2: Imbasan Pendanaan Ekuiti Ramai di Malaysia (2016-2018)





Pembiayaan antara Rakan Setara

Sejak tahun 2017, RM212.6 juta telah dikumpulkan menerusi 2,505 kempen pembiayaan rakan setara (P2P) yang berjaya oleh 643 penerbit. Penerbit yang mengumpul dana di platform pembiayaan P2P telah mengekalkan 99.0% kadar kejayaan kempen.

Pada tahun 2018, RM180.0 juta telah dikumpulkan, dengan pertumbuhan mencecah 452.0% berbanding tahun 2017. Antara kempen yang berjaya, 91.0% mengumpul sebanyak RM200,000 dan ke bawah manakala 22.0% penerbit berjaya mengumpul dana lebih daripada sekali.

“Sejak tahun 2017, RM212.6 juta telah dikumpulkan menerusi 2,505 kempen pembiayaan rakan setara (P2P) yang berjaya oleh 643 penerbit.”

Jadual 6.6: Bilangan Kempen dan Penerbit yang Berjaya mengikut Tahun

	2017	2018
Bilangan kempen	604	1,901
Bilangan penerbit	79	602

Jadual 6.7: Agihan mengikut Jumlah Pengumpulan Dana

RM200,000 dan kurang	91.0%
Lebih daripada RM200,000	9.0%

Pada bulan September 2019, platform pembiayaan ECF dan P2P secara kolektif telah mengumpul sebanyak RM580.0 juta, yang telah memberi manfaat kepada lebih 1,600 PKS. Kempen pembiayaan ini telah menarik lebih daripada 12,000 pelabur, dengan 90% daripadanya adalah pelabur tempatan dan runcit. Tahun 2019 juga menyaksikan Suruhanjaya Sekuriti (SC) mendaftarkan tiga ECF baharu dan lima platform pembiayaan P2P baharu serta dua ECF yang pertama untuk keluar pasaran:

- i. **Skolafund**, biasiswa pendanaan masyarakat perusahaan sosial untuk pelajar universiti, mengumpul dana di platform Ata Plus pada tahun 2017 dan oleh salah satu platform sumbangan pendanaan masyarakat terbesar di Asia; dan
- ii. **MyCash Online** yang memenuhi keperluan para penghijrah tanpa modal, yang diperolehi selepas pengumpulan dana awal di PitchIn.

SKIM PENYELESAIAN HUTANG KECIL UNTUK MEMBANTU PKS YANG BERDAYA MAJU TETAPI MEMPUNYAI KEWANGAN YANG BERMASALAH

PKS yang berdaya maju tetapi bermasalah dari segi kewangan yang tidak dapat mencari penyelesaian secara bersefahaman dengan bank pemberi pinjaman boleh mendapatkan bantuan di bawah Skim Penyelesaian Hutang Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS) BNM, iaitu mekanisme untuk institusi kewangan membantu peminjam PKS yang bermasalah menerusi penstrukturan semula dan penjadualan semula pembiayaan sedia ada.

SDRS, yang ditubuhkan pada tahun 2003, berfungsi sebagai platform untuk membantu PKS yang dikekang oleh pembiayaan terencat atau menghadapi kesukaran kewangan daripada pelbagai institusi kewangan. Pada tahun 2018, sebanyak 66 firma bermasalah menerima bantuan menerusi skim ini.

Jawatankuasa Penyelesaian Hutang Kecil (*Small Debt Resolution Committee*, SDRC), sebuah jawatankuasa bebas yang ditubuhkan oleh BNM, menjalankan penilaian terhadap permohonan PKS dan daya maju perniagaannya. Jika pemohon berkelayakan, SDRC akan mencadangkan kepada institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk membantu PKS menerusi penstrukturan semula atau penjadualan semula kemudahan pembiayaan mereka.

Pada tahun 2018, 85.0% permohonan diterima, berjumlah RM118.0 juta dalam pinjaman terencat telah diluluskan oleh SDRS untuk penstrukturan semula atau penjadualan semula. Pada akhir tahun 2018, kira-kira 54.0% daripada PKS yang dibantu di bawah skim ini dapat meningkatkan aliran tunai mereka dan mengembalikan perniagaan mereka untuk terus berdaya maju manakala 74.0% telah menyelesaikan hutang mereka sepenuhnya. Sejak ditubuhkan dan sehingga akhir September 2019, SDRS telah membantu menstruktur semula pinjaman yang terencat berjumlah RM1.6 bilion.

CAPAIAN KEPADA PKS

Sebagai sebahagian daripada capaian kepada PKS, BNM terus mempromosikan kesedaran mengenai kewujudan program untuk pembiayaan, pembinaan kapasiti, penyediaan bantuan oleh agensi-agensi berkaitan serta ketersediaan mekanisme penyelesaian oleh institusi kewangan dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan.

Inisiatif capaian berkala telah dijalankan di seluruh negara untuk mendidik PKS mengenai pengurusan kewangan dan untuk mewujudkan kesedaran tentang pelbagai pilihan pembiayaan, program dan inisiatif yang tersedia untuk perniagaan. Pada tahun 2018, lebih daripada 8,000 PKS menerima manfaat daripada 50 program capaian manakala kira-kira 1,100 PKS telah memperolehi manfaat daripada tujuh seminar dan klinik pembiayaan yang dijalankan di seluruh negara.



Modul seminar meliputi bidang-bidang seperti pengurusan kewangan, keperluan oleh institusi kewangan dan proses yang terlibat dalam permohonan pembiayaan, pembiayaan Islamik, saluran untuk mendapatkan maklumat nasihat dan bantuan penyelesaian yang berkesan, inisiatif pembangunan keupayaan termasuk pengurusan risiko perniagaan dan perniagaan digitalisasi menerusi penggunaan e-pembayaran serta saluran pembiayaan alternatif, seperti pembiayaan rakan setara dan pembiayaan pendanaan ekuiti ramai.

Dalam usaha memacu rangkuman kewangan yang lebih luas, BNM juga memfokuskan program pendidikan pada tahun 2018 untuk menjangkau bandar-bandar kecil seperti Jerantut, Taiping, Labuan dan Pagoh melalui program Karnival Kewangan. Program capaian ini amat efektif dalam mendidik populasi yang tidak dan kurang mendapat perhatian oleh bank. Setakat Oktober 2019, BNM telah menjalankan beberapa program Karnival Kewangan di peringkat kawasan dengan sesi di Miri, Terengganu, Melaka, Sabah dan Perlis.

PEMBIAYAAN PKS PADA TAHUN 2019

Keperluan untuk memperluas pelbagai instrumen pembiayaan untuk PKS dan usahawan masih menjadi salah satu agenda penting bagi Kerajaan untuk menangani keperluan pembiayaan yang pelbagai dalam setiap keadaan yang berbeza-beza. Untuk terus merangsang sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi, sebanyak 33 program di bawah kategori akses kepada pembiayaan telah dirancang untuk tahun 2019 dengan komitmen kewangan sebanyak RM13.1 bilion untuk 434,502 benefisiari. Program-program ini termasuk:

“Sebanyak 33 program di bawah kategori akses kepada pembiayaan telah dirancang untuk tahun 2019 dengan komitmen kewangan sebanyak RM13.1 bilion untuk 434,502 benefisiari.”

- **Skim Jaminan Modal Kerja** oleh SJPP dengan kerjasama Kementerian Kewangan, menawarkan bantuan kepada PKS dalam semua sektor ekonomi untuk mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan yang terlibat. Bagi tahun 2019, RM3.0 bilion telah diperuntukkan untuk membantu 2,500 benefisiari.
- SJPP juga menyediakan **Skim Jaminan Proses Automasi** untuk membantu PKS dalam semua sektor untuk mengautomasikan proses pengeluaran dan mengurangkan pengambilan pekerja asing. Program yang dilaksanakan menerusi bantuan kewangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan yang mengambil bahagian, menyasarkan untuk membantu 300 benefisiari dalam tahun 2019 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM950.0 juta.
- **Program Pembiayaan TEKUN** menawarkan pembiayaan untuk pengembangan perniagaan dan pembiayaan mikro untuk modal kerja bagi membantu usahawan Bumiputera kecil dalam perniagaan sedia ada atau perniagaan di peringkat permulaan baharu serta pelaksanaan projek. Program yang diterajui oleh TEKUN Nasional juga menyediakan peluang perniagaan, khidmat nasihat dan bimbingan serta menerapkan

pembudayaan kecekapan, inovasi dan keusahawanan progresif dalam kalangan komuniti usahawan TEKUN. TEKUN Nasional telah memperuntuk RM100.0 juta untuk program ini pada tahun 2019 dan menetapkan sasaran untuk membantu 17,500 benefisiari.

- CGC menyediakan enam **Skim Jaminan** untuk memudahkan pembiayaan bagi PKS. Skim ini terdiri daripada Jaminan Portfolio (*Portfolio Guarantee*, PG) / Jaminan Borong (*Wholesale Guarantee*, WG), BizJamin (sebelum ini dikenali sebagai *Credit Enhancer*), BizJamin Bumi (sebelumnya *Enhancer Bumi*), BizMaju (sebelumnya *Enhancer Excel*), BizSME dan Skim Jaminan Flexi. Di bawah skim PG / WG, CGC bekerjasama dengan kriteria yang telah dipersetujui dan dasar cepat dengan institusi kewangan individu untuk membantu PKS mendapatkan pembiayaan manakala skim-skim lain memberi bantuan kepada PKS untuk mendapatkan kemudahan kredit. CGC telah memperolehi komitmen kewangan sebanyak RM3.9 bilion untuk membantu menyasarkan 8,500 benefisiari PKS pada tahun 2019.
- **Business Accelerator Programme (BAP)** adalah program bersepadu yang diterajui oleh SME Corp. Malaysia untuk membangun dan memupuk PKS yang dinamik, berdaya saing dan berdaya tahan menerusi Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE), pembinaan keupayaan, khidmat nasihat dan teknikal serta sokongan kewangan. Pada tahun 2019, RM58.9 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program ini untuk 450 benefisiari.
- **Skim Pembiayaan PKS Patuh Syariah (SSFS)** merupakan satu lagi program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia menerusi tiga belas institusi kewangan Islam yang mengambil bahagian untuk memberikan pembiayaan bagi PKS Malaysia yang layak dengan 2.0% daripada kadar keuntungan yang dikenakan oleh institusi kewangan yang ditanggung oleh Kerajaan. Program ini memberi manfaat kepada 450 benefisiari menerusi peruntukan sebanyak RM14.5 juta pada tahun 2019.
- **Tabung Projek Usahawan Bumiputera-i (TPUB-i)** menyediakan pembiayaan kepada usahawan PKS Bumiputera yang telah dianugerahi projek atau kontrak kerja tetapi tidak dapat memperolehi pembiayaan daripada institusi kewangan. Peruntukan sebanyak RM480.0 juta telah disediakan untuk tahun 2019 bagi membantu 370 benefisiari.
- Perbadanan Nasional Berhad menerajui **Skim Pembiayaan PNS** dengan matlamat untuk membangun dan mempromosi usahawan Bumiputera tahap pertengahan dalam perniagaan francais menerusi bantuan kewangan untuk pengembangan perniagaan dan perniagaan baharu. Peruntukan sebanyak RM25.0 juta telah diperuntukkan untuk membantu 180 benefisiari pada tahun 2019.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar menerajui pelaksanaan **Program Cabaran Perniagaan Luar Bandar** yang telah direka untuk meningkatkan status sosioekonomi penduduk luar bandar dengan menggalakkan belia memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan serta mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar. Program ini juga bertujuan untuk memanggil kembali penghijrahan desa-bandar dengan mewujudkan gaya hidup yang lebih menarik di kawasan luar bandar. Program yang berbentuk pertandingan cadangan perniagaan dengan pemenang ditawarkan geran untuk memulakan impian keusahawanan mereka, telah diperuntukkan sebanyak RM15.0 juta untuk membantu 20 benefisiari pada tahun 2019.

PERKHIDMATAN NASIHAT KEWANGAN

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat BNM (BNMLINK) menawarkan khidmat nasihat mengenai hal-hal yang berkaitan dengan pembiayaan serta menyediakan saluran untuk mendapatkan penyelesaian yang berkesan bagi PKS. Dalam menyediakan pendidikan kepada pengguna mengenai kewangan, BNMLINK juga berfungsi sebagai platform informasi awam mengenai dasar dan inisiatif BNM yang terbaharu, seperti akses kepada pembiayaan untuk PKS, kesedaran penipuan kewangan dan pelaksanaan e-CCRIS.

Pada tahun 2018, BNMLINK mengadakan lebih daripada 1,000 sesi libat urus mengenai perkara berkaitan PKS, yang meliputi terutamanya pertanyaan dan aduan serta kes rayuan mengenai akses kepada pembiayaan, produk dan perkhidmatan serta pertikaian. Pada tahun 2019, usaha untuk menyelesaikan isu pembiayaan PKS terus dipertingkatkan untuk memberi kemudahan kepada PKS menerusi kerjasama di antara BNM, SME Corp. Malaysia, Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia, kementerian dan agensi serta CGC.

HUBUNGI

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat BNM (BNMLINK)

Tel: 1300 88 5465

Faks: 03-2147 1515

E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

www.bnm.gov.my

Pusat Khidmat Pelanggan CGC

Tel: 03-7880 0088

Faks: 03-7803 0077

E-mel: csc@cgc.com.my

www.cgc.com.my


SME Corp. Malaysia

Talian Info: 1300 -30-6000

Faks: 03-2775 6001

E-mel: info@smecorp.gov.my

www.smecorp.gov.my



ARTIKEL KHAS

Kaji Selidik Pembiayaan PKS 2018: Memahami Pembiayaan daripada Perspektif PKS


Sebagai usaha berterusan untuk mempromosikan akses kepada pembiayaan yang lebih luas bagi PKS, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menjalankan Kaji Selidik Pembiayaan PKS dengan jumlah 1,529 PKS yang beroperasi secara formal dan 223 perniagaan yang tidak formal pada suku kedua tahun 2018. Kaji Selidik ini bertujuan untuk mewakili populasi PKS negara dengan fokusnya adalah untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai perspektif responden mengenai akses kepada pembiayaan berserta dengan aktiviti komplementari yang lain, seperti prestasi perniagaan, cabaran yang dihadapi dan penggunaan perkhidmatan pembiayaan lain.

Penemuan Utama Kaji Selidik

- **Sumber Pembiayaan Berbeza-beza mengikut Kitaran Hayat Perniagaan**

Pada peringkat permulaan perniagaan, PKS cenderung untuk bergantung kepada dana mereka sendiri dan sumber tidak rasmi, seperti keluarga dan sahabat handai tetapi akan berubah kepada pembiayaan luaran, terutamanya pembiayaan hutang, setelah perniagaan kian matang (rujuk Carta 1). Ketika Kaji Selidik ini dijalankan, 35.0% responden melaporkan memperolehi pembiayaan daripada sumber luaran.

Carta 1: Sumber Pembiayaan mengikut Tahun Syarikat Beroperasi (%)



Sumber: Kaji Selidik Pembiayaan PKS 2018, Bank Negara Malaysia

- **Kadar Kelulusan Pembiayaan yang Tinggi untuk PKS dalam Tempoh Enam Bulan Sebelum Kaji Selidik**

Kira-kira 22.0% daripada responden telah memohon pembiayaan dalam tempoh enam bulan sebelum Kaji Selidik. Kaji Selidik menunjukkan kadar kelulusan sebanyak 91.0% untuk permohonan yang dibuat daripada institusi kewangan dan 99.0% kadar kelulusan untuk permohonan yang dibuat daripada sumber kewangan lain (terutamanya Amanah Ikhtiar Malaysia, AIM dan TEKUN), menjadikan kadar kelulusan keseluruhan adalah 94.0%.

Firma milikan wanita melaporkan permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi, yang terdiri daripada 33.0% permohonan yang diterima berbanding dengan purata sebanyak 22.0% bagi semua responden. Firma milikan wanita juga mengalami kadar kelulusan yang lebih rendah iaitu 83.0%, disebabkan terutamanya oleh kekurangan rekod dan dokumentasi yang tidak mencukupi. Firma milikan wanita memperoleh pembiayaan mereka sebahagian besarnya daripada institusi pembiayaan mikro.

Seperti yang dinyatakan oleh semua responden, tujuan utama permohonan pembiayaan adalah untuk membeli aset, seperti bangunan, harta, jentera dan peralatan (23.0%), modal kerja (22.0%) dan memulakan perniagaan baharu (19.0%).

- **Penggunaan Perkhidmatan Pembiayaan Lain**

Lebih daripada separuh (54.0%) responden didapati menggunakan produk insurans atau takaful, dengan penggunaannya meningkat secara progresif apabila firma semakin membesar. Meskipun kadar pengambilan produk insurans dan takaful pada masa ini rendah, terdapat potensi yang besar dalam permintaan daripada PKS untuk semua


produk insurans dan Takaful, dengan minat yang semakin meningkat khususnya pada perlindungan risiko yang berkaitan dengan keselamatan siber, ganti rugi profesional dan produk mungkir pembayaran.

Sebahagian besar PKS menggunakan mod pembayaran secara elektronik bagi pemiutang manakala mereka lebih suka untuk menerima bayaran secara tunai daripada pelanggan. Cek juga didapati terus popular sebagai mod untuk membuat pembayaran bagi PKS dalam urus niaga perniagaan ke perniagaan (B2B).

• **Akses kepada Pembiayaan Bukan Kekangan Utama kepada Pertumbuhan PKS**

Majoriti responden (71.0%) tidak menganggap akses kepada pembiayaan sebagai kekangan utama kepada pertumbuhan. Akses kepada pembiayaan sebagai kekangan berada pada kedudukan yang rendah, tempat kedua terakhir daripada kekangan yang utama. Peningkatan persaingan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh PKS dengan 69.0%, diikuti oleh permintaan tidak menentu (51.0%), peningkatan kos input (44.0%) dan isu berkaitan pekerja.

Carta 2: Kekangan yang Menghalang Pertumbuhan Perniagaan PKS



Sumber: Kaji Selidik Pembiayaan PKS 2018, Bank Negara Malaysia


Cabaran Pembiayaan

Kaji Selidik ini mendedahkan bahawa halangan pembiayaan yang utama adalah berkaitan dengan dokumentasi, kos dan daya maju perniagaan. Permohonan pembiayaan ditolak disebabkan terutamanya oleh:

- Dokumentasi yang tidak mencukupi;
- Aliran tunai yang tidak memuaskan; dan
- Pelan perniagaan yang dianggap tidak berdaya maju.

Firma yang terlibat dalam kegiatan automasi memiliki permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi daripada institusi kewangan (29.0%) namun mengalami kadar penolakan yang lebih tinggi disebabkan oleh cagaran yang tidak mencukupi atau projek yang dianggap berisiko. Risiko yang lebih tinggi dikaitkan dengan firma ini berkemungkinan berpunca daripada aset boleh alih dan aset tidak ketara dengan nilai sisaan (*salvage value*) yang rendah sekiranya berlaku kegagalan komersial serta ketidakpastian yang tinggi terhadap pulangan daripada proses yang baharu dan belum teruji.

Carta 3: Bantuan Kerajaan dianggap sebagai Paling Bermanfaat oleh PKS (%)




Kaji Selidik juga mengenal pasti bahawa majoriti PKS melihat bantuan pembiayaan (contohnya geran, pinjaman mudah, jaminan) daripada Kerajaan sebagai sumber paling bermanfaat tanpa mengambil kira cabaran yang mereka hadapi. Penemuan ini menunjukkan kesedaran yang rendah terhadap bantuan bukan pembiayaan yang lain, seperti pembinaan keupayaan, bimbingan dan sokongan serta akses kepada pasaran baharu, yang akan lebih relevan dalam membantu mereka menghadapi pelbagai cabaran.

Walaupun prestasi perniagaan tidak formal setanding dengan perniagaan formal, hanya 6.0% daripada perniagaan tidak formal mempunyai niat untuk memformalkan perniagaan mereka. Perniagaan tidak formal yang tidak didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia menyatakan bahawa permintaan yang tidak menentu, sukar untuk mengekalkan aliran tunai dan peningkatan persaingan sebagai faktor utama yang menghalang mereka daripada memformalkan perniagaan mereka.

Penemuan Kaji Selidik juga mengesahkan bahawa inisiatif yang berterusan - menggalakkan inovasi yang lebih luas oleh institusi kewangan, meningkatkan kecekapan proses pembiayaan, menyediakan lebih banyak produk penambahan kredit untuk PKS dan mengukuhkan keupayaan pengurusan kewangan PKS - kekal relevan untuk meningkatkan akses mereka kepada pembiayaan. Butir-butir inisiatif adalah seperti rajah berikut:

Carta 4: Inisiatif Terkini untuk Meningkatkan Pembiayaan PKS



Melangkah ke hadapan, terdapat peluang untuk meneruskan dasar keutamaan lain seperti rangkaian transaksi terjamin, promosi pembiayaan alternatif dan pemformalan perniagaan tidak formal.

- **Mewujudkan Rangkaian Transaksi Bercagar**

Usaha sedang dijalankan untuk mewujudkan perundangan yang moden dan bersepadu bagi kepentingan keselamatan harta alih bercagar dan pendaftar cagaran bersekutu bagi aset boleh alih di Malaysia kerana ini dapat menambah baik akses kepada pembiayaan untuk PKS. Rangka kerja baharu ini akan meluaskan rangkaian aset yang boleh digunakan oleh PKS selain cagaran konvensional (bangunan atau hartanah), contohnya mesin dan peralatan, harta intelek, inventori dan produk pertanian.

- **Menggalakkan Pembiayaan Alternatif**

Pembiayaan alternatif yang termasuk modal teroka, pembiayaan ekuiti ramai, pelaburan *angel*, pajakan, pemfaktoran dan pembiayaan antara rakan setara, boleh memainkan peranan yang lebih besar sebagai pelengkap pembiayaan bank untuk merapatkan jurang pembiayaan dalam memenuhi keperluan firma, seperti firma di peringkat permulaan yang berasaskan teknologi dan firma berinovatif – dianggap tidak berdaya maju untuk pembiayaan oleh bank yang dibiayai deposit. Dianggarkan bahawa pembiayaan alternatif membentuk kurang daripada 3.0% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan PKS di Malaysia.

- **Memformalkan Perniagaan yang Tidak Formal**

Insentif perlu disediakan bagi perniagaan tidak formal untuk memformalkan perniagaan mereka bagi meningkatkan akses mereka kepada lebih banyak pilihan pembiayaan dan program-program Kerajaan yang lain. Akses kepada manfaat, seperti skim perlindungan sosial, perkhidmatan pembiayaan komersial dan perkhidmatan pembangunan perniagaan serta memudahkan pentadbiran cukai dapat menggalakkan pemformalan perniagaan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, insentif seperti ini sepatutnya seimbang dengan penguatkuasaan yang lebih baik, termasuk penalti yang lebih berat untuk ketidakpatuhan kepada peraturan perniagaan.



ARTIKEL KHAS

Rakan Kongsi Pelaburan PKS (*SME Investment Partner, SIP*) untuk Meningkatkan Akses kepada Pembiayaan Peringkat Permulaan

Memandangkan Malaysia sedang berusaha untuk menggalakkan bidang pertumbuhan baharu dan menuju ke arah ekonomi yang diterajui inovasi, terdapat keperluan untuk mengukuhkan saluran pembiayaan baharu bagi menyokong syarikat di peringkat permulaan dan yang berinovatif. Lazimnya, bank tidak mempunyai struktur untuk menyediakan pembiayaan seperti ini. Jurang dalam pembiayaan ini telah membawa kepada penubuhan Program Rakan Kongsi Pelaburan PKS (*SME Investment Partner, SIP*). Program ini diperkenalkan sebagai salah satu program berimpak tinggi di dalam Pelan Induk PKS (2012-2020), yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan bagi PKS, terutamanya mereka yang berada di peringkat permulaan menerusi penyediaan pembiayaan modal berisiko. SIP menawarkan bantuan pembiayaan kepada PKS terutamanya kepada mereka yang berada di peringkat permulaan, meliputi semua sektor termasuk firma aliran utama yang memiliki potensi pertumbuhan yang tinggi, berinovatif dan dalam bidang baharu yang sedang pesat membangun. SIP melibatkan inisiatif pembiayaan bersama di antara sektor awam dan swasta, dengan entiti pelaburan yang ditubuhkan akan menyalurkan dana kepada PKS yang berdaya maju dalam bentuk ekuiti, hutang atau hibrid hutang dan ekuiti.

Di bawah Program ini, Kerajaan akan melabur modal jangka panjang dalam syarikat pelaburan berlesen yang dimiliki dan diuruskan secara persendirian, dan secara tidak langsung melengkapkan landskap modal teroka sedia ada. Pada asasnya, SIP adalah 'dana di dalam dana' - yang bermaksud pengurusan portfolio dan keputusan pelaburan dibuat oleh

pengurus dana swasta yang berkelayakan, dikenali sebagai Rakan Kongsi PKS. Syarikat-syarikat pelaburan akan memperolehi modal daripada pelabur swasta dengan jaminan sejumlah modal hutang tersedia daripada Kerajaan. Modal hutang akan tertakluk kepada had maksimum bagi setiap syarikat pelaburan. Dana terkumpul ini akan disalurkan kepada PKS yang berdaya maju dalam bentuk pinjaman, ekuiti atau hibrid pinjaman dan ekuiti.

SIP tersedia untuk PKS dalam semua sektor termasuk firma aliran utama yang memiliki potensi pertumbuhan yang tinggi, berinovatif dan bidang baharu yang sedang pesat membangun. Saluran pembiayaan ini lebih meluas berbanding pembiayaan modal teroka terkini yang lebih tertumpu kepada syarikat yang berasaskan teknologi. Mekanisme ini menggambarkan empat tawaran unik SIP seperti berikut:

- Menampung PKS di peringkat permulaan;
- Merangkumi PKS dalam semua sektor termasuk sektor tradisional;
- Pembiayaan bersama antara sektor awam & sektor swasta; dan
- Fleksibiliti untuk menawarkan kedua-dua dana ekuiti & pinjaman.

Carta 1: Imbasan Program Rakan Kongsi Pelaburan PKS (SIP)



Carta 2: Peranan Rakan Kongsi PKS di bawah Program SIP

- | | |
|---|---|
| Memperoleh dana daripada pelabur swasta | Menyediakan pementoran dan bimbingan teknikal |
| Mengenal pasti PKS yang berdaya maju untuk dibiayai | Mengenal pasti keperluan spesifik PKS |
| Menjalankan analisis kewangan dan usaha wajar | Memantau pelaburan yang dibuat kepada PKS |
| Menyediakan analisis terperinci atau prestasi | Memastikan pembayaran balik pada masa yang tepat/perkhidmatan pelaburan |
| Menyediakan pembiayaan kepada PKS | Menyediakan laporan kewangan dan operasi berkala |

Terdapat banyak cabaran dalam melaksanakan SIP. Mengikut tradisi, PKS di peringkat permulaan disifatkan sebagai lebih berisiko. Oleh itu, para pelabur lebih cenderung untuk menumpukan perhatian kepada syarikat-syarikat peringkat pertumbuhan dan pengembangan yang mempunyai pengurusan aliran tunai yang baik. Kebanyakan pelabur swasta yang berpotensi mengambil sikap tunggu dan lihat serta lebih suka mengkaji maklumat pelabur pertama dan sentimen pasaran sebelum meletakkan pelaburan mereka sendiri. Dana SIP dianggap sebagai dana mikro berbanding dengan dana ekuiti swasta dan modal teroka yang terdapat di pasaran. Oleh itu ramai pelabur tidak berminat kerana menganggap dana ini sebagai tidak kos efektif untuk menjadi dana yang berdaya maju secara komersial. Terdapat juga kekurangan sokongan daripada pelabur institusi tempatan terhadap PKS disebabkan oleh pelaburan maksimum adalah berdasarkan saiz dan sektor pilihan.

Dalam menangani cabaran ini, SME Corp Malaysia telah melantik beberapa rakan kongsi PKS berdasarkan kesediaan padanan dana daripada pelabur swasta. Pelantikan bersyarat juga diperkenalkan untuk menghapuskan proses penjanaan dana yang panjang dan untuk meningkatkan persaingan dalam kalangan Rakan Kongsi PKS. Rakan Kongsi PKS dikehendaki untuk menyampaikan padanan dana dalam tempoh masa mengikut komitmen mereka sendiri atas dasar siapa cepat dia dapat.

“Dana SIP dianggap sebagai dana mikro berbanding dengan dana ekuiti swasta dan modal teroka yang terdapat di pasaran.”

Skop Program

SIP menyediakan:

- Pembiayaan kepada PKS di peringkat permulaan yang beroperasi dari satu hingga tiga tahun merentasi semua sektor;
- Suntikan modal kerja dalam bentuk hutang atau hibrid hutang dan ekuiti dalam julat RM500,000 hingga maksimum RM5 - RM7 juta (berdasarkan syarat penyedia dana);
- Bantuan teknikal, pementoran secara amali untuk PKS bertumbuh dan mengembangkan perniagaan mereka; dan
- Program pembangunan keupayaan untuk meningkatkan prestasi perniagaan dan meningkatkan hasil dengan kerjasama SME Corp. Malaysia.

Penerima pelaburan yang berpotensi mesti memenuhi kriteria asas seperti berikut:

- Telah memenuhi syarat definisi PKS;
- Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- Memiliki sekurang-kurangnya 51.0% ekuiti Malaysia;
- Telah beroperasi di antara satu hingga tiga tahun sahaja; dan
- Telah mempamerkan bukti tarikan pasaran, terutamanya dalam penjana pendapatan.

Proses Permohonan



Melangkah ke hadapan, Kerajaan mungkin perlu memperkenalkan dasar untuk memberi mandat sumbangan daripada pelabur institusi Kerajaan (berbanding pelabur runcit) untuk menyokong PKS Malaysia. Di pihak SME Corp. Malaysia, penubuhan anak syarikat SIP untuk mempromosikan pelaburan ke atas bidang utama PKS (bukan berteknologi) dengan elemen pembiayaan bersama akan mempercepat proses kelulusan dana dan pembayaran.